

UPM guna jalur lebar dalam program PJJ

Pelajar boleh berinteraksi menerusi persidangan video secara langsung

Oleh Mona Ahmad
mona@bharian.com.my

PERSIDANGAN video secara bersemuka dan berinteraksi dengan pensyarah menggunakan kaedah menggunakan jalur lebar tanpa perlu ke kampus induk, menjadikan pengajian pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) seperti belajar dalam kampus secara sepenuh masa.

Tanpa perlu bersusah payah berulang ke kampus induk di Serdang, pelajar dari seluruh negara, Brunei dan Singapura hanya perlu ke Pusat Pembelajaran Negeri universiti itu di 19 lokasi seluruh negara untuk sesi tutorial yang dikendalikan tutor, selain pembelajaran bersemuka.

Pengarah Pusat Pendidikan Luar (PPL), UPM, Prof Dr Abdul Aziz Saharee berkata, persidangan video secara lintas langsung ini adalah keistimewaan yang ditawarkan kepada pelajar PJJ sebanyak dua kali satu semester.

"Pelajar boleh berinteraksi secara *online* di pusat pembelajaran masing-masing dan sesi ini dirakam serta dimuatkan dalam portal PLL dan boleh dimuat turun pelajar pada bila-bila masa," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Serdang, baru-baru ini.

Dr Abdul Aziz berkata, modul yang disediakan bagi setiap kursus pula akan diagihkan kepada semua pelajar berdaftar. Ia disusun dan ditulis sendiri oleh tenaga pengajar

yang pakar dalam bidang pengajian terbabit.

Katanya, tujuh program ijazah sarjana muda ditawarkan iaitu Bachelor Sains Pembangunan Sumber Manusia, Bachelor Sains Pembangunan Manusia, Bachelor Pendidikan, Bachelor Komunikasi, Bachelor Pentadbiran Perniagaan, Bachelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu) dan Bachelor Sastera (Bahasa Inggeris).


Bagi program sarjana pula, UPM menawarkan program Master Pembangunan Sumber Manusia, Master Bahasa Melayu, Master Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama), Master Komunikasi Korporat dan Master Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan).

Mengimbas kembali tujuan penubuhan PPL ialah untuk mendemokratisasikan pendidikan dengan memastikan peluang kemasukan yang sama dalam pendidikan tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat.

PJJ membuka peluang kepada setiap individu tanpa mengira usia dan kedudukan untuk menuntut ilmu. UPM berhasrat membawa pendidikan tinggi ke pintu rumah kepada sasarannya dengan kos yang termampu.

Hala tuju program PJJ ini selaras dengan misi UPM dan negara iaitu ke arah membangunkan pekerja yang berpengetahuan dan mampu belajar secara berterusan.

"Berikutan program ini tidak mengindahkan umur, kita juga ada pelajar yang berusia 60-an yang juga

A black and white portrait of Prof Dr Abdul Aziz Saharee, a middle-aged man with glasses and a mustache, looking slightly to the right. The background is dark and textured.

Pelajar boleh berinteraksi secara online di pusat pembelajaran masing-masing dan sesi ini dirakam serta dimuatkan dalam portal PLL dan boleh dimuat turun pelajar pada bila-bila masa"

**Prof Dr Abdul Aziz
Saharee**

Pengarah Pusat
Pendidikan Luar UPM



ANTARA pelajar PJJ mengikuti pengajian secara bersemuka.

pesara yang mahu meningkatkan ilmu pengetahuan," katanya.

Walaupun tidak berjumpa dengan pensyarah sekerap jika belajar sepenuh masa di kampus, pelajar berpeluang berinteraksi menerusi ruang sembang siber termasuk kuiz.

Dalam perkembangan lain, UPM turut menjalinkan kerjasama dengan enam kolej di seluruh negara bagi memberi peluang kepada pelajar yang tidak mendapat tempat di mana-mana pusat pengajian tinggi untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang.

"Walaupun program itu dijalankan di kolej swasta, tetapi semua

modul dan kurikulum disediakan pihak UPM. Kolej hanya menyediakan prasarana dan tenaga pengajar. Pemantauan dilaksanakan pihak UPM menerusi Jawatankuasa Pengawasan Mutu Akademik (JUMPA) pada setiap semester," katanya.

Enam kolej terbabit ialah Kolej Shahputra, Pahang; Kolej Teknologi Timur, Selangor; Kolej Teknologi Bestari, Seremban; Kolej Uniti, Negeri Sembilan; Kolej Risda, Melaka dan Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kuala Lumpur.

Katanya, peperiksaan juga disediakan UPM dan ijazah yang di-

tawarkan adalah dari universiti ini.

Mengenai pembiayaan pengajian, pelajar tidak perlu risau kerana boleh memohon pinjaman daripada bank, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dan bagi pelajar yang mahu mengikuti program PJJ boleh mengeluarkan caruman Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP).

Mana-mana pihak yang berminat boleh menghubungi Unit Kemaskini Pusat Pendidikan Luar UPM 43400, Serdang, Selangor atau menghubungi talian 03-89468815/ 03-89468821 atau melayari laman web di alamat www.ppl.upm.edu.my.



PELAJAR PJJ mengikuti kuliah menerusi sidang video di pusat Pendidikan Jauh Jauh UPM, Kuala Lumpur.